

17 FEB 2003

KELAB PENYOKONG KERAJAAN TEMUI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 17 Feb (Bernama) -- Anggota-anggota Exco Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) diketuai pengerusinya Datuk Mohamed Zin Mohamed mengadakan perjumpaan selama sejam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

"Ia adalah pertemuan biasa dengan Perdana Menteri sebelum bermula sesi persidangan Parlimen berikutnya bulan depan." kata Mohamed Zin kepada Bernama selepas pertemuan itu.

Beliau berkata BBC juga mengambil kesempatan dengan memaklumkan rancangan masa depan kelab itu dan memperkenalkan barisan exco barunya kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MFZ KHY NAK